

# UMS akan anjur Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf

NST 23/05/2012

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah melalui Jabatan Pendaftar akan menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf Universiti Malaysia Sabah (MAKSUMS) di Dewan Kuliah Pusat Akademik, UMS 24 Mei ini.

Majlis yang julung kalinya dilaksanakan ini adalah hasil gabungan dua majlis utama universiti iaitu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Majlis Anugerah Inovasi (MAI) yang sebelum ini diadakan secara berasingan.

Majlis ini disatukan bertujuan ke arah penjimatan di samping itu menerapkan nilai seperti "value management" dan memupuk pemikiran serta usaha yang kreatif dan kritis dengan menggunakan sumber serta kemudahan yang sedia ada dalam pelaksanaan majlis berkenaan sekaligus memberikan penghargaan yang lebih baik kepada para kakitangan.

Pada majlis itu, sebanyak 16 anugerah mengikut kategori yang akan disampaikan, antaranya Anugerah Perkhidmatan Terpuji, Anugerah Jasamu Dikenang,

Anugerah Jasa Bakti, Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Khas Perkhidmatan Naib Canselor, Anugerah Pengajaran, Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik UMS, Anugerah Penerbitan Buku UMS, Anugerah Landskap Terbaik.

Selain itu turut diadakan Anugerah Laman Web Terbaik, Anugerah Pengurusan Pejabat Terbaik, Anugerah Dasar Penjimatan Utiliti Terbaik, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Anugerah Pengurusan Makmal dan Anugerah Khas Inovasi Naib Canselor.

Majlis perasmian dan penyampaian anugerah dijangka akan disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.



TAHNIAH... Penerimaan Pingat Emas berganda Prof. Madya Dr. Charles S. Vairappan yang diwakili oleh Kishneth Palaniveloo.